

Sastera 1Malaysia dari Perspektif Pengarang Cina

Chew Fong Peng

Abstrak: Sastera kebangsaan sebagai pencerminan masyarakat berbilang etnik di Malaysia, berperanan untuk memupuk semangat integrasi nasional di kalangan khalayak sastera. Makalah ini cuba mengkaji, mengupas dan menganalisis tema-tema integrasi nasional yang termuat di dalam sastera kebangsaan hasil pena para pengarang Cina. Dengan menerapkan Teori Weiner (1965) dan Teori Pencerminan Lukacs (1972), penulis mendapat terdapat sebelas tema utama yang menjadi garapan pengarang Cina tentang pembentukan masyarakat yang bersatu padu di Malaysia, terdiri daripada lima tema umum iaitu cinta dan kahwin antara etnik, persahabatan, pertolongan, kemanusiaan, tanggungjawab bersama, enam tema khusus termasuklah kebebasan beragama, semangat nasionalisme, karisme kepimpinan, kemesraan, bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan. Para pengarang Cina menerusi cerpen, memaparkan pendirian sendiri tentang corak masyarakat muhibah yang menjadi idaman masing-masing.

Kata kunci: Sastera Kebangsaan; 1Malaysia; Pengarang Cina; Integrasi Nasional

Pengarang: Dr. Chew Fong Peng, pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Pendahuluan

Kesusasteraan dikatakan mustahak sebagai penyampai ilmu pengetahuan, menyubur daya kreatif dan imaginatif, alat menghidupkan semangat, alat untuk menyerapkan nilai-nilai rasa dan sebagainya. Kesusasteraan dipercayai dapat mendorong satu pembentukan peribadi yang halus dan mulia, serta mampu mengukir watak-watak manusia yang boleh berfikir dan bertindak secara matang (Ali Ahmad, 1994). Memandangkan tugas dan fungsinya yang amat luas dan pelbagai itu, kesusasteraan dianggap penting dalam integrasi nasional di negara ini.

Dalam hal ini, negara-negara Barat telah mengambil kira subjek kesusasteraan merentasi kurikulum pendidikan sekolah rendah dan menengah. Mata pelajaran tersebut bukan sahaja menghidangkan infomasi sejarah dan nilai budaya, tetapi juga isu-isu sosial (Timm, 1996), malahan bahan-bahan sastera sentiasa digunakan untuk

mengeratkan hubungan antara etnik dan meruntuhkan garis perkauman. Banyak kajian berkenaan telah dilakukan bagi membuktikan keberkesanan karya sastera terhadap sikap pelajar.

S. Wolf dan S. Heath (1988) misalnya menggunakan karya sastera dalam kehidupan seharian terhadap dua orang anak perempuannya selama sembilan tahun. Beliau mengenal pasti motivasi anak-anaknya dari sudut akademik dan pergaulan sosial bahawa mereka sangat mahir dalam asas sosial dan budaya tentang bahasa dan kesusasteraan berbilang etnik. Pembacaan karya sastera yang berpanjangan telah mengembangkan aspek kognitif dan emosi kanak-kanak di samping mengatasi masalah berinteraksi dengan rakan-rakan etnik lain. Pengaruh ini dapat dikesan dalam kandungan kesusasteraan yang dikatakan mempunyai “*creativity, connection, and criticism*”.

Kajian mengenai kesan pembacaan karya sastera mengenai hubungan antara etnik dilakukan oleh J.T. Timm (1996) terhadap pelajar-pelajar menengah atas. Berikut ialah petikan kesan bacaan Fitzgerald Howard setelah membaca novel *Roll of Thunder, Hear My Cry* karya Mildred Taylor.

Some years ago, I read *Roll of Thunder, Hear My Cry* and I know, I did not grow up in Mississippi, I never had to undergo any kind of prejudice like that the Logan family experienced but the story struck a chord, a wrenching chord. I knew Mildred Taylor was writing my history. A Euro-American in a suburban school might not know any of the history, but that reader would feel with Cassie and Little Man, in their heart, and would be touched by Jeremy's efforts to be their friend. This experience could make a difference in how such a reader might respond to real life African-Americans. In Taylor's stories of a particular time and place, the plight of Blacks becomes imaginable, tangible, and true because her art evokes feelings. (Timm, 1996: 267)

Keterangan di atas menunjukkan kepentingan isi-isi sesebuah buku yang dibaca dan hubungannya ke atas pemikiran pelajar itu secara menyeluruh kerana idea yang terdapat dalam sesebuah buku itu akan berkekalan sehingga ke liang lahad.

Dalam kehidupan masyarakat Malaysia, sastera kebangsaan menjadi media yang diminati bukan sahaja oleh golongan Melayu, tetapi juga bukan Melayu yang berpendidikan Melayu dan golongan sarjana barat. Mereka telah menghasilkan banyak kajian berkenaan sastera kebangsaan dan hubungan etnik. Justeru kajian Chew (2013) menunjukkan bahawa sastera kebangsaan mampu membentuk integrasi nasional di Malaysia. Sehubungan itu, Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri kita menuarkan keinginan beliau agar sastera dijadikan instrumen penting bagi

mewujudkan semangat kekitaan atau ‘esprit de corp’ di kalangan rakyat dalam usaha untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu (Berita Harian, 1.12.2010). Jadi, adalah menjadi satu dorongan kuat bagi penulis untuk meneroka bidang ini yang sering diabaikan untuk meninjau Sastera Kebangsaan dalam pembentukan integrasi nasional.

Pendekatan Teori untuk Mengkaji Pencerminan Integrasi Nasional di dalam Cerpen Kebangsaan

Masalah integrasi yang dihadapi oleh negara-negara membangun boleh dilihat sebagai sebahagian daripada proses sejarah perkembangan politik negara itu. Ia adalah masa peralihan perkembangan politik semasa kerajaan baru mula melaksanakan sistem pentadbiran baru, masalah perpaduan menjadi sangat kritikal. Menurut M. Weiner (1965) integrasi nasional melibatkan identiti nasional, pengawalan sempadan, penglahiran norma-norma untuk mengatasi konflik nilai, hubungan antara kerajaan dengan rakyat dan masalah hidup bermasyarakat untuk mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks ini, istilah “*national integration*” digunakan secara meluas untuk melibatkan ruang lingkup yang luas itu. Lantaran itu, untuk memudahkannya, Weiner (1965) mengklasifikasikan integrasi nasional kepada empat jenis, yakni integrasi kawasan, integrasi nilai budaya, integrasi elit-massa, dan integrasi tingkahlaku.

Weiner (1965: 53) merumuskan integrasi nasional sebagai “*a process of bringing together culturally and socially discrete group into a single territorial unit and establishment of a national identity*” yang bererti satu proses penyatuan berbagai kelompok budaya dan sosial ke dalam satu kesatuan dan seterusnya membentuk satu identiti nasional.

Ringkasnya, integrasi nasional melibatkan penerapan secara struktural mengenai sistem budaya dan sosial, baik di peringkat individu maupun di peringkat kumpulan dengan tujuan menyatupadukan etnik-etnik ke arah pembentukan satu bangsa yang lebih besar. Dari segi sosial, perpaduan bertujuan mewujudkan kesatuan budaya dan konsensus nilai di kalangan masyarakat kecil dan tradisional. Oleh sebab masalah sosial dan budaya adalah rumit dan sensitif, sifat bertolak ansur dan bertimbang rasa perlu dilaksanakan oleh sistem kerajaan. Di samping itu, adalah penting juga diwujudkan satu kerajaan pusat yang kukuh bagi mencapai matlamat integrasi nasional melalui perancangan dan pelaksanaan dasar integratif.

Teori Weiner (1965) merupakan satu proses mengajak masyarakat berbilang etnik saling memahami dan hidup secara harmoni melalui semangat kejiranan, persahabatan, sukan dan permainan, kelab dan persatuan, serta aktiviti kemasyarakatan yang erat. Hubungan antara etnik boleh terjalin secara muhibah seandainya semua anggota masyarakat mengamalkan sikap bertoleransi dan mengurangkan prasangka etnik.

Kesemua hubungan sosial tersebut seterusnya dijadikan sebagai indeks-indeks untuk mengkaji kepentingannya dalam membentuk integrasi nasional di sesebuah negara.

Dalam bidang sastera, pandangan G. Lukacs (1972), seorang pengarang Hungaria yang menulis dalam bahasa Jerman, tidak dapat diketepikan dalam analisis hubungan karya sastera dengan hal-hal sosio-budaya. Beliau tidak menganggap kesusasteraan sebagai mencerminkan realiti, seperti cermin yang memantulkan objek yang berada di hadapannya. Sebaliknya beliau berpendapat bahawa kesusasteraan ialah pengetahuan tentang realiti. Menurut G. Lukacs, untuk memungkinkan realiti tercermin dalam kesusasteraan, realiti perlu disalurkan dalam karya pengarang yang bersifat kreatif dan yang memberikan bentuk. (Forgacs, 1988).

Realiti mempunyai bentuk yang disifatkan oleh G. Lukacs (1972) sebagai sesuatu yang berkembang secara dialektik selain daripada menunjukkan pergolakan serta kemajuan dalam masyarakat. Dialektik memberi sumbangan yang sangat bererti bagi Lukacs dalam memahami kemampuan manusia melepaskan diri dari “*second nature*” yang diciptakan oleh sistem kapitalisme. Realiti sosial di satu pihak merupakan produk kesedaran manusia mencapai kesempurnaannya, tetapi di pihak lain realiti sosial yang berkembang dalam masyarakat kapitalis menjadi suatu produk yang mengasingkan manusia. Lukacs melalui kerangka dialektik di mana semua bahagian akan berada dalam keadaan saling bergerak serta bertelingkah antara satu sama lain. Lukacs melihat hubungan etnik sebagai satu alat kapitalis untuk memecah-belahkan pekerja ke dalam golongan-golongan yang bermusuhan supaya mereka lebih mudah dikuasai. Untuk memungkinkannya dicerminkan dalam kesusasteraan, realiti perlu melalui pengarang yang mengadunnya menjadi karya sastera. Oleh itu, karya yang dibentuk dengan betul dan teliti sebenarnya mencerminkan bentuk dunia realiti.

Kesusasteraan kebangsaan seringkali dianggap dapat melenyapkan tembok-tembok yang memisahkan golongan-golongan pembaca mereka daripada golongan pembaca yang lain dengan menekankan dan menonjolkan titik persamaan antara etnik di negara ini, sastera mentafsirkan masalah suatu etnik, dan memperkenalkan hasrat dan harapan hidup suatu etnik untuk dikongsi bersama etnik yang lain (Shamsuddin Jaafar, 1997). Dengan itu, tenaga dan sikap suatu etnik dapat dipadukan dengan etnik yang lain untuk melenyapkan kepincangan dalam masyarakat, sehingga masalah yang khusus terjadi pada suatu etnik menjadi masalah setiap etnik di Malaysia. Dengan itu, kesusasteraan dapat mendidik pembaca masing-masing untuk menanam sikap dan pandangan yang melampaui batas perkauman, seterusnya dapat memupuk satu keperibadian kebangsaan di kalangan pembacanya.

Justeru penelitian penulis menjadi lebih bermakna untuk melihat sejauh mana permasalahan integrasi nasional ini dicapai melalui penggabungan pendekatan teoritis berdasarkan Teori Weiner (1965) dan Teori Cerminan Lukacs (1972). Tumpuan

kajian ini akan diberi kepada karya cerpen sayembara yang telah dianjurkan dari 1980 sehingga akhir 2000.

Tema-tema Cerpen 1Malaysia Karya Pengarang Cina

Terdapat sejumlah 17 buah cerpen mengandungi unsur-unsur integrasi nasional. Berdasarkan Teori Weiner (1965), hubungan sosial dan budaya antara etnik boleh terjalin melalui indeks-indeks tertentu. Antara indeks-indeks umum yang dapat dikesan termasuk tema cinta atau kahwin antara etnik, persahabatan, kemanusiaan, pertolongan dan tanggungjawab bersama. Indeks-indeks tersebut kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk karya sastera dalam bentuk tema. Sebagai dokumen sosial, hasil kesusastraan itu sendiri merupakan cerminan masyarakat Malaysia seluruhnya dalam cara hubungan langsung maupun secara tidak langsung menurut Teori Lukacs (1972). Manakala indeks-indeks khusus merupakan indeks yang diperoleh daripada dasar atau polisi kerajaan, termasuklah Rukunegara, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan; antara tema-tema khusus yang didapati daripada cerpen pengarang Cina merangkumi semangat nasionalisme, karisme kepimpinan, bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan.

Tema-tema Umum

Cinta dan Kahwin antara Etnik

Lim Swee Tin, pemenang Hadiah SEA Write Award (2000) adalah seorang cerpenis Cina yang tidak asing lagi namanya dalam medan penulisan cerpen tanah air kita selain daripada puisi. Beliau memaparkan tema cinta antara etnik yang kukuh pada akhirnya akan mendapat restu daripada ibu bapa kedua-dua pihak. "Cahaya Lain di Wajah" dalam *Menara 3* (1990) berlatarkan dunia kedoktoran di mana benih cinta tumbuh dalam sanubari dua orang insan yang berlainan etnik, yakni Fadzilah dengan Dr. Steven Chow. Keluarga Steven Chow berfikiran terbuka dalam segi ini. Mereka bersetuju Steven bercinta malah berkahwin dengan gadis Melayu, sebaliknya keluarga Melayu masih menampakkan sikap kekonservatifannya. Oleh itu, percintaan mereka mendapat bantahan keras daripada Pn. Zakiah, ibu Fadzilah dengan alasan bahawa etnik Cina tidak sesuai dijadikan suami kerana percanggahan nilai hidup dan *weltanchuung*.

Namun begitu, mereka berdua tidak pernah berputus asa. Dr. Chow cuba membuktikan kebolehan diri bahawa etnik lain juga boleh menunjukkan sikap toleransi dan menghormati etnik lain. Peluang keemasan tiba apabila Pn. Zakiah jatuh sakit dan terpaksa duduk di wad untuk pemeriksaan susulan. Di sana, Pn. Zakiah mendapat rawatan rapi dan jagaan sempurna daripada Dr. Steven Chow dan ini mengubah sikap dan pandangannya terhadap pemuda Cina tersebut. Walaupun Pn. Zakiah

tidak pernah menyukainya, tetapi Dr. Steven Chow langsung tidak mengambil hati, sebaliknya dia menjalankan tanggungjawabnya dengan sepenuh hati untuk merawat ibu Fadzilah tanpa kenal jemu. Setelah dua minggu rawatan di hospital, Pn. Zakiah memuji jururawat dan doktor yang bertugas, terutamanya Dr. Steven Chow.

Sudah ada cahaya lain di wajah Puan Zakiah menandakan kerestuannya terhadap hubungan Fadzilah dengan Dr. Steven Chow. Melalui gambaran di atas, cerpenis mengutarakan mesej penting bahawa tembok antara dua etnik yang tinggi menebal dapat dirobohkan melalui cinta dan kahwin antara etnik kerana inilah cara paling mudah untuk memahami sifat dan hati budi suatu etnik lain dengan mendalam tanpa subjedis dan prejudis.

Kisah cinta yang tidak berputik pula ditemui dalam cerpen “*Kelmarin yang Hilang*” tulisan Lawrence Quek yang termuat dalam *Waqaf 2: Bulan. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1992* (1993). Pengarang mengemukakan watak “aku” (Cina) dengan watak Azreena berkenalan di bangku sekolah menengah. “Medan selera di Bandar ini yang menjadi saksi setia pertemuan antara kami. Di sinilah banyak masa kami habiskan bersama pada hujung minggu. Melepaskan ketegangan kerja-kerja sekolah”. (hlm. 29)

Oleh sebab masih remaja, mereka berdua tidak berani meluahkan perasaan masing-masing. “Aku” hanya menganggap Azreena sebagai sahabat karib, dan menafikannya sebagai kekasih walaupun mereka saling menaruh cinta berahi. Mereka tidak pernah membicarakan persoalan tentang hubungan mereka. Halangan paling besar antara mereka ialah Azreena telah bertunang. Lima tahun setelah Azreena berkahwin, mereka tidak lagi bertemu sehingga terserempak semasa melintas *zebra crossing* di bandar yang sama. Azreena telah bercerai manakala “aku” masih membujang. “Aku” meminta maaf kerana mengecewakan Azreena. Walaupun mereka tidak dapat bersama, tetapi “aku” mengakui Azreena sebagai “sahabat yang istimewa”, manakala Azreena berterima kasih kepada “aku” kerana mengajarnya “erti seorang wanita” (hlm. 33).

Walaupun babit cinta telah lama tumbuh dalam hati “aku” dan Azreena, tetapi ia tidak berhasil dengan perkahwinan. Hubungan antara etnik Cina dan Melayu ini berakhir dengan perpisahan sebagai sahabat yang istimewa kerana kedua-dua insan terlalu ego dengan pendirian sendiri dan menunggu pihak lain untuk meluahkan isi hati terlebih dahulu. Oleh itu, cerpen ini menggambarkan bahawa peluang telah diberikan oleh Tuhan, manusia sendiri perlu berusaha untuk mendapatkannya.

“*Dunia Orang Tua*” cerpen Jong Chian Lai dalam *Menara 2* (1989) berkisar tentang sebuah keluarga Cina di Malaysia yang terpaksa menerima menantu yang terdiri daripada pelbagai etnik. Ini realiti masyarakat Malaysia yang berlaku kini dan masa akan datang. “Orang tua” dalam cerpen ini berjaya mendidik ramai anak tetapi

tidak berjaya menyekat kebebasan mereka memilih jodoh masing-masing. Sebagai orang tua yang berfikiran cara lama, inilah persoalan yang memedihkannya dan menyebabkan dia terkenang akan negara asalnya dan bercita-cita untuk pulang ke sana.

Akhirnya “orang tua” terpaksa menerima hakikat ini dan ini menjadi petanda bahawa akan tiba masanya keluarga di Malaysia menerima perkahwinan antara etnik. Zaman “orang tua” sudah berlalu dan ini digambarkan “orang tua” tersisih di Lorong Cina bersama-sama teman sebaya sambil mengenang zaman silam dengan perasaan nostalgik. Asas perpaduan antara etnik dalam masyarakat moden bermula di rumah. Apabila semakin banyak keluarga menerima fenomena tersebut, maka masyarakat kita semakin menuju ke arah integrasi nasional.

Persahabatan

Dalam cerpen “Rumah” dalam *Menara 5* (1993), Chai Loon Guan menggambarkan persahabatan di kalangan pelajar sekolah menengah yang intim. Kim, anak tunggal Ah Ti dan Ah Moi, ingin mengikuti rombongan sambil belajar anjuran sekolah ke Kuala Lumpur bersama sahabat berbagai etnik. Walaupun dibantah oleh Ah Ti, Kim tetap memujuk ayahnya membenarkannya pergi kerana dia sudah berjanji dengan rakan-rakannya.

Bagi golongan remaja, jenis sahabat memainkan peranan yang penting di dalam menentukan personaliti yang diterima atau tidak oleh masyarakat. Mereka terpaksa patuh kepada desakan-desakan sahabat supaya dapat diterima oleh kumpulan itu. Di sinilah mereka mempelajari maklumat yang dipelajarinya di rumah, kemahiran lain, kebolehan bersosial dan corak persahabatan antara etnik (Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin, 1988). Golongan remaja mempunyai kebudayaan tersendiri, yakni pola-pola tingkah laku diikat oleh nilai-nilai tertentu yang disepakati bersama. Konsep ini sejajar dengan “integrasi tingkah laku” yang diajukan oleh Teori Weiner (1965).

Dalam masyarakat berbilang etnik di Malaysia, soal mempunyai sahabat karib dari anggota yang berlainan etnik sudah pasti mempunyai pengertian sosiologi yang penting. Pola pemilihan sahabat karib dari kumpulan etnik lain di kalangan remaja lebih tinggi daripada ibu bapa mereka sebagaimana yang digambarkan dalam cerpen tersebut. Hal ini merupakan satu petanda yang baik dalam masyarakat kita untuk menjalin hubungan muhibah antara etnik.

Sejarah Tanah Melayu sebelum kedatangan British turut menunjukkan etnik Melayu dan Cina dapat hidup bersama dengan damai dan sentosa. Malahan interaksi yang harmoni itu telah melahirkan golongan Baba. Hubungan yang akrab itu masih terdapat pada era moden ini sebagaimana yang dilukiskan oleh Lee Cheong Beng dalam cerpennya “Fajar Merah” antologi Waqaf 2: *Bulan. Hadiah Sastera Utusan*

Melayu-Public Bank 1992 (1993). Pengarang melukiskan hubungan antara Johan dengan Ah Hock bagaikan isi dengan kuku; tiada rahsia lagi antara mereka berdua. Johan berkenalan dengan Ah Hock sebelum dia berumahtangga dengan Sofiah. Malah dialah yang banyak membantu Ah Hock sehingga menjadi seorang manusia yang terkaya di bandar tempat dia bertugas dahulu. Kini Ah Hock pula menolong Johan dalam keadaan tertentu. Apabila kesempitan wang, Ah Hock akan “mengisi sakunya kembali”. Sebahagian kelengkapan rumahnya adalah hadiah daripada Ah Hock juga. Malahan Ah Hock mengadakan parti harijadi untuk Johan apabila dia mengetahui Johan kesunyian di tempat kerja baru. Tali persahabatan itu sangat bernilai dan harus dihargai dalam kehidupan masyarakat berbilang etnik di Malaysia.

Kemanusiaan

Sastera berperanan sebagai perjuangan menentang kezaliman, ketidakadilan dan penderitaan yang bersangkutan dengan ciri-ciri kemanusiaan. Terdapat juga di kalangan mereka yang kaya dan berkuasa yang menyokong dan merasakan kemarahan yang sama terhadap kezaliman, ketidakadilan dan kemiskinan (Lukacs, 1972). Kajian A. M. Thani (1990) menunjukkan unsur kemanusiaan menjadi kegemaran para cerpenis dalam mengutarakan tema perpaduan sosial kerana sifatnya yang universal.

Menerusi cerpen “Tempat Jatuh Lagi Dikenang” dalam antologi *Warisan* (1997), Mohd. Azli Lee Abdullah menceritakan kunjungan seorang bukan Melayu ke kampung Limau Kasturi, sebuah desa terpencil di mana pada suatu ketika dahulu, ayahnya pernah bertugas sebagai guru besar dan banyak berjasa kepada masyarakat setempat. Ni E-Beng, anak kepada cikgu Chun Kee teringin untuk mengunjungi kampung itu setelah 10 tahun dan mencari rakan sepermainan masa kecil, Azman. Azman pernah menyelamatkan E-Beng yang lemas kerana tergelincir dalam sungai. Sejak peristiwa itu, Azman dan E-Beng menjadi sahabat rapat seperti isi dengan kuku. Rasa kemanusiaan telah mengikat tali persahabatan dua orang insan yang berlainan etnik dan agama.

Setiap insan mempunyai perasaan simpati, kasih sayang dan empati, terutamanya melihat orang lain berada dalam kesusahan dan bahaya. Dalam hal ini, faktor etnik bukanlah penentu untuk menghulurkan bantuan (Tang Chee Yee, 1993, p. 38). Orang yang memberi bantuan semestinya memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi, manakala orang yang menerima bantuan pula memiliki rasa terhutang budi terhadap penyelamatnya. Dan itu menjadi asas kukuh jalinan antara manusia dan hubungan itu dapat berterusan dan berkekalan. Malahan seluruh penduduk kampung turut melayan E-Beng dengan sambutan yang mesra.

Cerita sedemikian boleh ditemui dalam “Budi” nukilan Selina S.F. Lee dalam antologi *Menara 5* (1993). Watak utama, Lin sentiasa didatangi mimpi-mimpi ngeri

kebelakangan ini. Mimpi itu seolah-olah satu firasat yang mendorong Lin mencari punca dan orang yang berkaitan. Hasil soal selidik daripada ibu, Lin mengetahui bahawa 25 tahun yang lalu, dia pernah diselamatkan oleh seorang ahli bomba dalam kebakaran. Daripada surat khabar Inggeris tempatan, Lin mengetahui ahli bomba itu bernaama Abdul Manan, lalu berazam untuk mencarinya.

Akhirnya Lin berjaya bertemu dengan En. Abdul Manan di Pasir Mas, Kelantan yang sudah lanjut usia untuk menyuarakan penghargaannya dan sanjungannya terhadap budi baik Abdul Manan. Pada tanggapan Lin, Abdul Manan berhati mulia dan tidak pernah mengenal perbezaan etnik; lalu Lin menyuarakan hasratnya untuk menjadi anak angkat kepada Abdul Manan dan isterinya.

Pertolongan

Pertolongan adalah salah satu tema yang tidak kurang penting untuk mengkaji peranan sastera kebangsaan dalam membentuk perpaduan masyarakat dan nasional. Hubungan sosial yang baik antara etnik melalui kontak yang lebih luas dalam pelbagai badan masyarakat menyebabkan sifat universal manusia ingin memberikan pertolongan dan bantuan bagi mereka dalam kesusahan. Kajian yang dibuat oleh L. Reissman (1952) menunjukkan ada hubungan yang nyata antara aktiviti sosial termasuk pertolongan dan kerja-kerja kebajikan pada waktu kesusahan dengan sikap mesra dan toleransi mengatasi perbezaan latar belakang sosial mereka.

Lee Hui Sen menyentuh kes perbicaraan di mahkamah yang menarik. Dalam "Siapa Pak Uda, Siapa?" (*Menara 4*, 1991), Pak Uda ditipu oleh Meena Begum yang menaiki teksi sewa yang dipandu olehnya. Meena Begum yang sedang sarat mengandung meminta Pak Uda membawanya ke klinik. Sebelum Pak Uda beredar, dia meminta alamat dan nombor kad pengenalan Pak Uda. Pak Uda kemudian dituduh di mahkamah kerana tidak membayar nafkah hidup dan manafikan anak yang dilahirkan itu anaknya. Tuduhan itu menimbulkan kekecohan dalam rumah tangga Pak Uda dan pandangan serong masyarakat kampung terhadapnya.

Dalam kemelutan itu, Junid meminta pertolongan daripada Dr. Stanley Tan yang rapat dengannya. Dr. Tan bersetuju membantu Pak Uda membuat pemeriksaan darah dan kesihatan, dan yakin dia boleh bebas daripada tuduhan tersebut. Profesional Dr. Tan sebagai doktor dirujuk sebagai saksi semasa perbicaraan, dan laporan kesihatan Pak Uda menunjukkan dia mempunyai kelemahan – benihnya tidak berupaya menghamilkan wanita. Akhirnya Pak Uda dibebaskan oleh mahkamah.

Dalam kes perbicaraan tersebut, pihak plantif terdiri daripada etnik India iaitu Meena Begum manakala pihak defendant ialah etnik Melayu, Pak Uda. Sedangkan saksinya Dr. Tan ialah etnik Cina. Mesej utama pengarang ialah permusuhan, perselisihan faham dan segregasi tetap wujud dalam etnik itu sendiri. Musuh dalam

selimut adalah lebih berbahaya daripada musuh luaran kerana sifat dengki-mendengki selalunya menanam kebencian sesama sendiri; dari segi lain, etnik lain mungkin lebih banyak membantu suatu etnik itu menyelesaikan masalah daripada meneguk di air yang keruh. Oleh itu, kita harus bersifat terbuka kepada semua etnik kerana tolong-menolong ialah sifat universal.

Tanggungjawab Bersama

Tanggungjawab menjaga keamanan, kemakmuran dan kestabilan masyarakat adalah penting dari segi keselamatan serta ketahanan negara. Akan tetapi, alat moden, tentera-tentera yang mahir bukanlah jaminan dari segi keselamatan sepenuhnya, sebaliknya kestabilan negara lebih bergantung kepada perpaduan masyarakat dalam segala aspek politik, ekonomi dan rakyat. Tanpa rasa tanggungjawab bersama rakyat, adalah mustahil wujud kestabilan dan kekuatan kepada negara kita dalam menghadapi ancaman pengganas komunis, penjajahan dan peperangan atau konflik etnik, walaupun elemen tersebut tidak mungkin terhapus sama sekali, sebagaimana yang ditegaskan oleh Lent (1977) akibat dari pengaruh ikatan darah atau etnik seseorang.

Lay Choi melalui cerpennya “Menjelang Ribut Taufan” dalam *Menara 3* (1990) membawa tema topika iaitu keadaan tegang yang menimpa negara pada bulan Oktober 1987. Seorang penjenayah berniat melakukan pembunuhan dengan tujuan mencipta rusuhan. Dia telah menembak tiga orang di Jalan Chow Kit ketika itu dan seorang cedera parah. Asas keharmonian negara yang salah satunya dibina atau dasar “persefahaman antara etnik” hampir runtuh oleh persengketaan antara mereka. Masing-masing anggota masyarakat berasa tidak selamat, syak wasangka dan bimbang terhadap masa depan negara. Apabila wujud suasana tegang yang demikian, dengan sedikit kejadian, pasti akan merebak menjadi api yang membakar. Keadaan ini hendaklah diselamatkan oleh pemerintah dengan bantuan rakyat yang waras.

Melalui watak “aku”, pengarang memaparkan detik-detik tegang itu dengan memerikan penilaian yang rasional supaya pembaca tidak terlalu pesimis. Di celah-celah kemelut yang berlaku itu “Aku” tetap terlihat sesuatu yang positif mengenai kehidupan di negara ini. Pandangan sebegini mempunyai asas yang kukuh. “Aku” sebagai pensyarah, terdidik pula dalam disiplin “Politik Bandingan” dan biasa tinggal di luar negeri, maka dia tetap melihat kebaikan yang wujud di negara ini jika dibandingkan dengan negara-negara luar. “Aku” menganjurkan agar pendidikan politik matang diajarkan kerana kursus tersebut dipercayai dapat memberi garis panduan untuk para siswa memperdalam fungsi politik yang matang dengan membawa manfaat kepada negara dan rakyat.

Walau apa terjadi semua orang mesti bekerja dan mencari rezeki. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua warganegara Malaysia untuk mempertahankan

keamanan negara supaya semua etnik dapat hidup dalam keharmonian. Kes yang berlaku secara individu tidak perlu dihebohkan dan diperbesarkan menjadi isu negara. Kejayaan pengarang merakamkan peristiwa ini harus dihargai dan cepen ini dijangka akan menjadi “rakaman dekad” buat masa akan datang.

Tema-tema Khusus

Kebebasan Beragama

“Setelah Kabus Dinihari” dalam *Menara 4* (1991) ialah hasil Lim Swee Tin yang cuba mengetengahkan persoalan muhibah antara etnik melalui agama di negara ini. Cerpen ini mengisahkan seorang petani, Ah Liew yang secara kebetulan telah didatangi oleh seorang anak perempuan Melayu, Fazliana ke dalam keluarganya. Walaupun sedar bahawa Fazliana tidak mungkin berada di sisinya selama-lamanya, tetapi dia memelihara anak itu dengan baik dan tidak dicemari keislamannya dari segi makan minum dan pakaian. Rasionalnya Fazliana datang daripada keluarga Islam, maka menjadi tanggungjawabnya memastikan kehidupannya terjaga mengikut agama itu. Anak itu kemudiannya menjadi kesayangan Mei Fong, anak gadis Ah Liew.

Akhirnya Fazliana ditemui semula oleh ibu bapanya, Datuk Kamarul dan Datin Mariah. Apabila Fazliana dibawa kembali ke pangkuhan keluarganya, Ah Liew dan Mei Fong berasa rindu dan tidak tenteram kerana kehilangan seorang “ahli keluarga”. Dari segi ini, kita mendapati bahawa hubungan antara etnik akan mesra dan muhibah selagi kita saling menghormati agama masing-masing. Perbezaan agama antara satu sama lain tidak seharusnya dijadikan garis pemisah atau jurang yang menyebabkan segregasi antara etnik. Ini disebabkan semua agama menyeru ke arah kebaikan. Cuma perbezaannya dari beberapa aspek amalan dan pantang larang yang perlu dipatuhi. Kita tidak harus bersikap etnosentrik atau menganggap agama pegangan kita sahaja superior, manakala agama lain inferior kerana sikap inilah yang akan menyebabkan ikatan mesra yang terbina selama ini rosak binasa.

Semangat Nasionalisme

H. Kohn melalui karya beliau, *The Idea of Nationalism* (1944: 16), mentakrifkan nasionalisme sebagai “satu keadaan fikiran, yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk ke kalangan semua anggotanya: dia mengiktiraf negara-bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya.” Manakala R. Suntharalingam (1985: 54) pula berpendapat “semangat nasionalisme ialah kesedaran keanggotaan dalam sesuatu bangsa yang mempunyai potensi atau kesungguhan untuk mencapai, mempertahan, dan mengabadikan jati

diri, integriti, kemakmuran dan kekuatan bangsa itu sendiri". Justeru itu, nasionalisme boleh diasosiasikan dengan agama, sosial, ekonomi dan politik.

Jong Chian Lai, penulis bukan Melayu yang mapan dan seringkali membawa cerita tentang negeri kelahirannya, Sarawak. Keistimewaan cerpen Jong Chian Lai terletak pada ketelitian beliau menjalin cerita dan penguasaan bahasa yang lancar. "Pemberontakan" dalam *Doa Terakhir: Hadiah Sastera Malaysia 1988/89* (1995) adalah antara hasil Jong Chian Lai yang menarik tentang sejarah penentangan penduduk tempatan terhadap penjajah Inggeris.

Negeri Sarawak telah dijajah oleh keluarga Brooke pada abad ke 19. Kolonialisme telah meniupkan semangat nasionalisme penduduk tempatan, terutama peribumi. Etnik Melayu melancarkan pemberontakan lantaran semangat cintakan tanah air. Mereka ingin tempat kelahiran mereka bebas daripada belenggu penjajahan. Manakala bagi etnik Cina, mereka bersikap anti-Inggeris disebabkan faktor ekonomi. Etnik Cina sebagai pelombong emas dikenakan cukai yang tinggi sedangkan gaji mereka amat kurang. Ini menimbulkan kemarahan pelombong emas lalu mereka bersatu tenaga dengan etnik Melayu untuk menentang penjajahan Inggeris. Dalam pada itu, Cina Kalimantan turut membantu.

Penyatuan dilakukan bukan sahaja dari segi gabungan tenaga, tetapi juga bantuan senjata berapi. Penghulu Sidek, ketua pemberontakan meminta bantuan tersebut daripada tauke Tong. Jelas bahawa kedua-dua pihak mempunyai matlamat yang satu: memberontak kerana kekejaman Rajah.

Semangat kebangsaan etnik bukan Melayu jelas dipaparkan melalui tauke Tong untuk menemui Penghulu Sidek atas perjanjian mereka. Tongkangnya pecah dipukul ombak besar dan karam. Tauke Tong sempat melarikan diri manakala juga ranya telah ditangkap dan disoal siasat oleh pihak pentadbir Inggeris. Menurut undang-undang Inggeris, sesiapa yang didapati menyeludup senjata berapi akan dihukum pancung. Kini Tauke Tong berjumpa dengan Penghulu Sidek untuk memberitahu hal sebenarnya.

Semangat nasionalisme setiap etnik terserah semasa pemberontakan. Ah Chow menegah orang bawahannya menembak ke arah askar Rajah kerana khuatir akan membunuh orang Melayu kerana sasaran utama mereka ialah rajah Brooke. Seboleh-bolehnya Ah Chow tidak mahu mengorbankan orang Melayu. Akan tetapi, Ah Chow dan pengikutnya mempunyai strategi sendiri untuk menumbangkan Rajah. Dia yakin mampu melakukan sendiri dengan jumlah pengikut dan alat senjata yang ada. Dalam pemberontakan itu, mereka memancung kepala raja Brooke, tetapi yang terpancing bukanlah raja Brooke, sebaliknya kepala sepupu yang mirip wajahnya. Manakala etnik Melayu berpecah dua di bawah Penghulu Sidek dan Pak Kadir lantaran pendekatan dan pelaksanaan mereka yang jauh berbeza. Mereka berlaga antara satu sama lain. Akhirnya pemberontakan itu gagal.

Justeru itu, Jong Chian Lai memberi peringatan bahawa tonggak utama untuk menghalau penjajah mestilah melalui penyatuan rakyat secara bersepada. Cerpen “Pemberontakan” memaparkan keinginan rakyat menghalau penjajah Rajah dari bumi mereka. Namun dalam pelaksanaannya, mereka bercanggah. Percanggahan tersebut membawa padah, Rajah tidak dapat dikalahkan. Percanggahan pelaksanaan sebenarnya menggambarkan citra masyarakat yang pelbagai etnik. Walaupun latar cerpen ini dikatakan pada zaman sebelum Sarawak merdeka, citra yang dipaparkan masih wujud sehingga hari ini.

Karisme Kepimpinan

Cerpen “Menara Pelangi” nukilan Chin Fook On @ Robert dalam *Menara 7* (1998) bersifat simbolik yang melambangkan perpaduan yang sangat penting bagi sebuah negara yang berbilang etnik seperti Malaysia untuk menapak maju. Kesimpulan ini didapati daripada sikap bermuafakat Ridwan, Kin-Kit dan Raj membina Menara Pelangi untuk dijadikan pusat kebajikan sosial di Shamelon.

Menara Pelangi adalah salah satu mercu yang tercantik dan termoden di dunia. Memandangkan keadaan ekonomi dan kewangan negara yang kukuh, kerajaan meluluskan peruntukan khusus bagi projek ini. Ketiga-tiga pemimpin ini berganding bahu untuk membina negara bangsa yang bersatu. Akan tetapi timbul sindiket antarabangsa yang mengadakan komplot untuk menghuru-harakan kedamaian negara itu. Mereka menuduh pemimpin negara itu berlaku korup kewangan dan ini menjelaskan imej kerajaan Shamelon. Dalam pada itu, Raj menjadi mangsa barat yang diperalatkan untuk mencapai muslihat mereka untuk menghancurkan negara itu. Sindiket antarabangsa menggunakan media, telah memalsukan bukti dan mencemuh negara dan menjatuhkan maruah kerajaan Shamelon. Tuduhan itu berjaya menimbulkan pertelingkhan antara tiga pemimpin akibat saling tidak mempercayai.

Dalam keadaan kritikal, datangnya seorang bangsa barat untuk mendamaikan keadaan. Dia kagum dengan kemajuan dan projek raksasa negara Shamelon itu. Malah dia ingin menjadi sebahagian daripada warganegara negara itu. Tetapi fitnah dan khabar angin telah mengabui mata para pemimpin dan saling menaruh syak wasangka. Teguran pengembara asing itu berjaya membuka mata dan menyedarkan tiga pemimpin negara Chemalon dan mereka telah memupuk keyakinan dan kepercayaan antara satu sama lain untuk menghadapi ancaman daripada luar negara.

Cerpen ini adalah simbolik keadaan pergolakan politik mutakhir negara Malaysia. Ridwan, Kin-kat dan Raj adalah lambang tiga etnik utama, iaitu masing-masing mewakili etnik Melayu, Cina dan India yang bekerjasama dan bersatu dalam satu perikatan, yakni Barisan Nasional. Ketiga-tiga etnik itu hidup harmoni dalam arena politik dan bercita-cita tinggi untuk mencapai negara maju mengikut Wawasan

2020. Antara tanda kemodenan dan kecanggihan teknologi utama ialah Menara Kuala Lumpur yang diiktirafkan sebagai menara ketiga tertinggi di dunia.

Kemajuan Malaysia telah menimbulkan iri hati negara maju asing terutama orang barat yang berniat untuk menjatuhkan negara kita. Lantas memperalatkan kecanggihan kuasa media antara bangsa untuk melaga-lagakan pemimpin negara kita. Kemuncak keretakan berlaku apabila kes bekas Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim yang bersubahat dengan kuasa barat untuk merebut kuasa terbongkar pada tahun 1999, dan ini menggegar dunia politik Malaysia, selanjutnya menggugat keyakinan rakyat terhadap kerajaan pemerintah (Eugene K.B. Tan, 2001).

Namun begitu, kemunculan watak seorang pengembara asing diolah dengan sensitiviti dan kreativiti pengarang dengan peleraian yang positif. Pengarang telah memasukkan watak asing ke dalam cerpen ini untuk meleraikan masalah kontroversi perkauman tersebut, dan ini bertepatan dengan teori Lukacs (1972) bahawa realiti masyarakat tidak digambarkan seratus peratus dalam bentuk karya, sebaliknya diubahsuai mengikut kesesuaian atau kehendak pengarang.

Cerpen Siow Siew Sing yang berjudul “Pengorbanan” dalam antologi *Kuala Lumpur* (1991) mengisahkan perihal sambutan 100 tahun Kuala Lumpur, dengan menumpukan perhatian kepada pengalaman cucu Yap Ah Loy yang bernama Yap Ah Loke. Watak inilah yang kemudiannya digerakkan oleh pengarang menceritakan sesuatu yang berlaku ketika perang saudara itu. Cerita pengalaman Yap Ah Loke dilukiskan melalui teknik penceritaan imbas kembali ke zaman penjajahan Inggeris abad ke-19. Yap Ah Loy, kapitan Kuala Lumpur menghadapi cabaran dan tentangan daripada puak Ghee Hin. Ghee Hin yang diketuai oleh Ah Sze yang menjadi Kapitan di Kanching akan menceroboh kawasan Kuala Lumpur. Yap Ah Loy sedar keamanan di sekitar Kuala Lumpur akan tergugat lagi Ah Sze menjadi kapitan Cina di Kanching kerana perbalahan dan huru-hara akan bermaharajalela.

Untuk mencari penyelesaian, Yap Ah Loy meminta bantuan dari Tengku Kudin. Tujuan utama ialah menjaga keamanan dan perpaduan di kawasan Kuala Lumpur. Dengan bantuan Tengku Kudin dan askar-askar Inggeris, serangan daripada Chong Chong dan Raja Mahadi dapat dipatahkan. Akhirnya kapitan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin berjaya membebaskan Kuala Lumpur daripada cengkaman kumpulan Chong-Chong dan Raja Mahadi. Yap Ah Loy amat bersyukur kerana Tengku Kudin banyak membantunya dalam pentadbiran Kuala Lumpur. Perpaduan antara etnik amat penting untuk pembangunan kawasan.

Berkenaan hubungan dengan pentadbir Inggeris, Tengku Kudin mengusulkan supaya tidak berkeras, sebaliknya menggunakan kepandaian berhujan untuk memohon kemudahan-kemudahan untuk bangsa sendiri. Ini bererti cara penentangan secara terbuka adalah dasar yang kurang bijak, malah ia mengorbankan nyawa dan tenaga.

Oleh itu, penentangan terhadap penguasa asing itu adalah berdasarkan cara berdamai dan mengikut undang-undang negara.

Cerita berkisar kembali ke zaman moden tahun 1990 di mana rakyat berbilang etnik berarak menunjukkan semangat patriotisme terhadap negara sempena majlis sambutan 100 tahun Kuala Lumpur. Kuala Lumpur dihuni oleh pelbagai etnik yang bersatu. Penulis itu turut mempersembahkan sketsa tentang peranan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin membangunkan Kuala Lumpur. Yap Ah Loke telah menerima cenderamata daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai ingatan terhadap sumbangan dan pengorbanan Yap Ah Loy yang maha agung.

Cerpen ini jelas memperlihatkan kerjasama antara etnik Melayu dan Cina telah lahir sejak sejarah awal kedatangan pendatang asing. Pembangunan dan perpaduan adalah syarat utama untuk kehidupan aman damai dalam masyarakat berbilang etnik. Masyarakat kini perlu mengambil sejarah sebagai iktibar kerana pengalaman tersebut menjanjikan kemakmuran dan kedamaian. Hasad dengki hanya akan mengakibatkan perbalahan dan rusuhan, seterusnya pembunuhan. Ini akan memusnahkan pembangunan yang terbina selama ini. Negara akan mengalami kerugian sama ada dari segi ekonomi, sosio-budaya mahupun politik. Justeru itu, perlembagaan dan undang-undang amat penting untuk dijadikan panduan dan dasar pentadbiran negara bagi menjamin kestabilan politik.

Kemesraan

Terdapat berbagai-bagi agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Belia dan Sukan, dan Jabatan Perpaduan Negara yang menganjurkan berbagai-bagi kegiatan dan aktiviti antara budaya. Usaha-usaha tersebut akhirnya akan mewujudkan interaksi dan persefahaman yang lebih baik di kalangan penduduk berbilang etnik. Pada peringkat individu pergaulan yang erat akan mewujudkan kemesraan dan persefahaman yang biasanya sukar ditemui sebelum Malaysia diwujudkan (*Malaysia Kita*, 1991).

“Kontang” ialah nukilan Cheng Loan Loi dalam *Menara 4* (1991) yang mengisahkan situasi masyarakat berbilang etnik yang bergegas-gegas mencedok air di sebuah perigi yang telah lama terbiar. Kalai, Som, Nyonya Tan, Muru, Gomez dan Haji Mamat merupakan pengunjung setia perigi lama itu. Dengan menggunakan sudut pandangan orang pertama, pengarang melukiskan perigi itu berkata-kata tentang betapa mesranya hubungan antara penduduk berbilang etnik itu.

“Warga Selamanya” dalam *Menara 7* (1998) ialah nukilan Tung Wai Chee mengenai kehidupan suka duka golongan bawahan (pemandu bas). Dalam cerpen ini, pengarang dengan bersahaja mencerminkan kemesraan para pemandu bas yang menaburkan khidmat berpuluh-puluh tahun yang terdiri daripada Ah Peng, Hanif,

Satgian, dan Encle Moey. Mereka golongan kelas bawahan yang hidup bahagia saling membantu lantaran persamaan nasib. Semasa waktu lapang, mereka sentiasa duduk berehat sambil makan di warung mamak. Mereka rancak berbincang tentang isu-isu semasa, kejayaan rakyat Malaysia mendaki Gunung Everest, era MSC, pelakon Hong Kong seperti Jackie Chan dan Master Wong, dan peristiwa penumpang bas mereka. Hubungan mereka sangat intim dan sentiasa berhibur dengan gaya seni masing-masing: Satgian dengan gaya silamban dan Ah Peng dengan seni wushu.

Selain itu, mereka juga sangat mengambil berat masalah pembubaran syarikat Toong Fong Ombibus dengan alasan perkhidmatan bas kurang selamat akibat sesetengah pemandu yang tidak berdisiplin. Usaha itu akan memutuskan sumber pendapatan mereka dan keluarga mereka memandang kegawatan ekonomi masa itu. Walaupun mereka tidak puas hati, tetapi mereka tetap melaksanakan tugas mereka dengan berdisiplin dan cara damai. Uncle Moey tidak setuju dengan cadangan Satgian untuk mogok kerana itu akan menjelaskan jadual harian para penumpang dan pelajar sekolah. Orang baik dibalas dengan baik: akhirnya Uncle Moey dilantik sebagai pengurus apabila muslihat Emil terbongkar. Cerpen ini mencerminkan kemesraan para pekerja bawahan yang senasib walaupun berbeza etnik dapat mengatasi risiko dipecat dan mengelakkan daripada mengambil jalan mogok sebagai jalan penyelesaian kepada masalah syarikat. Ini teladan yang harus dicontohi oleh semua warganegara Malaysia bahawa hanya kemesraan antara etnik dapat menyelesaikan segala pancaroba hidup dengan membawa hasil positif dan menguntungkan semua pihak.

Bahasa Kebangsaan

Pepatah-pepatah yang berbunyi “Bahasa jiwa bangsa” serta “Bahasa Perpaduan Bangsa” dengan jelas menunjukkan akan peri mustahaknya peranan bahasa itu dalam proses asimilasi dan perpaduan. Bahasa begitu penting sebab ia merupakan pembawa budaya serta alat untuk mencapai budaya. Kesedaran ini telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Asiah Abu Samah, 1999). Sebagai bahasa tamadun, bahasa Melayu mempunyai kelengkapan yang cukup dari segi sastera dan bentuk-bentuk pengucapan lainnya.

Chai Loon Guan menerusi cerpennya “Amanah” dalam *Menara 6* (1995) melukiskan kegigihan seorang pendidik, dan kesedarannya terhadap peri pentingnya bahasa Melayu. Cikgu Tan mempunyai wawasan tinggi untuk mendidik dan membimbing serta membangunkan anak bangsa. Dia menentang habis-habisan cabaran terhadap usaha murninya itu. Walaupun menghadapi amaran daripada taiko Kam Seng sejak hari pertama bertugas di Sekolah Menengah Dato Bendahara CM Yusuf, Tanjong Tualang, dia tetap menjalankan tugasnya mendidik dan membimbing anak bangsa tanpa mengira etnik. Malah Cikgu Tan berazam mengubah corak

pemikiran sebilangan masyarakat etniknya yang masih dijajah oleh bahasa dan budaya hidup kolonial. Usaha murni Cikgu Tan dianggap murtad oleh taiko Kam Seng lalu ditumbuk sebagai amaran agar tidak lagi Melayukan anak-anak Cina di kawasan itu.

Demi menjaga keselamatan, Cikgu Tan membuat laporan polis. Peristiwa itu langsung tidak menggugat usaha murni Cikgu Tan. Bagi cikgu Tan, taiko Kam Seng kurang memahami hakikat hidup di negara berbilang etnik, kurang mengerti tentang amanah dan tanggungjawab seorang pendidik. Oleh itu kelas tambahan Bahasa Melayu, ceramah dan dialog, sayembara penulisan terus diadakan. Semua guru rela membantu Cikgu Tan untuk mengendalikan Minggu Bahasa Melayu antaranya cikgu Said Mun Said Wok, Cikgu Abdul Hamid, Cikgu Leela dan Cikgu Diana Marcado.

Berkat usaha gigih, peratus kelulusan Bahasa Melayu sekolah itu meningkat secara mendadak daripada 35.6% kepada 87.3%: manakala bilangan pelajar yang gagal dalam bahasa Melayu PMR dapat ditangani. Kam Seng turut memohon maaf atas kekasarannya kerana sedar akan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Cerpen ini berkesudahan dengan nilai positif, jelas menampilkan unsur muhibah dalam menghadapi era pembangunan negara. Semua warganegara menerima kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi negara seperti pepatah Melayu bahawa “Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”.

Kebudayaan Kebangsaan

Peranan kebudayaan dalam masyarakat dan negara Malaysia yang berbilang etnik, sangat penting untuk melahirkan cara hidup bangsa kita. Kebudayaan berperanan menanamkan nilai positif dan kebersamaan dalam usaha untuk memajukan aspek politik, sosial dan ekonomi rakyat yang mesti dikekalkan dengan penuh kesedaran dan penuh tanggungjawab bersama.

Melalui pena Chong Fah Ching dalam cerpen “Duniaku, Duniamu, dan Dunia Kita” di dalam *Menara 7* (1998), pengarang menceritakan dari sekolah rendah hingga sekolah menengah Cina, Wahab satu-satunya anak Melayu sejati dalam kelas. Pelbagai liku-liku dan pahit jerih telah diharungi untuk mempelajari bahasa dan budaya Cina. Dia sengaja dihantar ke sekolah Cina oleh Pak Rahim atas alasan bahawa “kan lebih baik belajar lebih daripada satu bahasa. Ke mana-mana tak ada masalah. Senang kemudian hari” (*Menara 7*, 1998, p. 58).

Kini dia betul-betul berazam untuk melanjutkan pelajaran ke Taiwan untuk mendalami budaya dan falsafah Cina walaupun masih ada tiga orang adik yang sedang bersekolah di Sekolah Cina telah cukup membebankan ayahnya yang cuma menanggung kehidupan sekeluarga seorang diri. Akan tetapi, rasa cinta akan bahasa dan budaya Cina menyebabkan Wahab “ketagihan” dan tetap berazam ke Taiwan untuk meneroka dunia masyarakat Cina yang asli.

Pak Rahim menyokong kuat cita-cita dan kehendak Wahab walaupun menghadapi kesulitan kewangan. Pak Rahim bertemu Encik Yang, pengetua Sekolah Menengah Chung Hwa untuk membincangkan tentang permintaan Wahab. Encik Yang yang pemurah dan mudah diajak berunding, sudi mencari jalan membantu Pak Rahim. Encik Yang mengusulkan pendapat supaya dihantar ke negara China yang murah yuran dan pembiayaannya. Tambahan pula, pada 20hb. Jun, 1997, Menteri Pendidikan Malaysia akan menandatangani Memorandom Persefahaman dengan China untuk membenarkan pertukaran pelajar-pelajar di kedua-dua buah negara. Manakala tambang perjalanan diselesaikan dengan bantuan kewangan daripada pengetua dan rakan-rakan sekolah. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Tambahan pula, usaha semua etnik untuk memahami budaya dan falsafah hidup masyarakat etnik lain dapat menjamin keharmonian hidup kerana persefahaman adalah jambatan perpaduan. Cerpen ini memupuk semangat keharmonian etnik dalam berlumba-lumba mengejar ilmu pengetahuan.

Perancangan dan pelaksanaan kebudayaan kebangsaan memerlukan penglibatan semua peringkat dan lapisan, barulah cita-cita kebudayaan yang tidak berbau sukuan atau perkauman akan dapat dilahirkan. Kebudayaan kebangsaan yang dirangkakan mestilah merangkumi keseluruhan unsur budaya yang berasaskan rakyat yang terpancar dalam hasil ciptaan nasional baik dalam bidang kesenian, bahasa dan sastera, adat resam, undang-undang, moral dan cara hidup bangsa yang dikenali sebagai bangsa Malaysia. Namun begitu, unsur-unsur budaya luar yang bersifat positif dan bermanfaat boleh diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan. Keanekaragaman warisan budaya telah menyumbang kepada pembentukan kebudayaan kebangsaan, yang seterusnya mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan agama (Oo Yu Hock, 1990). Begitulah gagasan dan harapan para cerpenis semasa membawa persoalan kebudayaan kebangsaan dalam usaha mengeratkan hubungan antara etnik, sangat menuntut sifat saling memahami dan menghormati.

Perbincangan

Analisis tema-tema integrasi nasional dalam cerpen di atas memaparkan bahawa terdapat lima tema umum dan enam tema khusus. Tema umum terdiri daripada cinta atau kahwin antara etnik, persahabatan, kemanusiaan, pertolongan dan tanggungjawab bersama; manakala tema khusus termasuklah kebebasan beragama, semangat nasionalisme, karisme kepimpinan, kemesraan, bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan. Perincian bilangan cerpen mengikut tema ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Pecahan Bilangan Cerpen Bertemakan Integrasi Nasional Mengikut Tema

Tema Umum	Bilangan	Peratus
Cinta atau kahwin antara etnik	3	17.6
Persahabatan	2	11.8
Kemanusiaan	2	11.8
Pertolongan	1	5.9
Tanggungjawab bersama	1	5.9
Tema Khusus		
Kebebasan beragama	1	5.9
Semangat nasionalisme	1	5.9
Karisma kepimpinan	2	11.8
Kemesraan	2	11.8
Bahasa kebangsaan	1	5.9
Kebudayaan kebangsaan	1	5.9
Jumlah	17	100.0

Daripada 17 cerpen yang diteliti daripada pelbagai sayembara dan sasterawan negara, nyata bahawa tema cinta dan kahwin antara etnik adalah tema yang paling popular di kalangan para cerpenis. Tema inilah juga gagasan yang agak ketara dilahirkan oleh kebanyakan pengarang yang pada tanggapan mereka merupakan penyelesaian yang sebaik-baiknya. Kisah ini selalunya bermula dengan berbagai-bagi bentuk konflik yang menyentuh soal-soal agama dan kebudayaan watak-watak berkenaan.

Selain itu, cerpen-cerpen yang dihasilkan juga mengemukakan pelbagai corak pertalian sosial dalam masyarakat Malaysia. Ini merupakan suatu gambaran yang jelas bagaimana setiap etnik itu mendudukkan dirinya dalam konteks masyarakat sekitarnya. Para cerpenis turut mengakui bahawa perpaduan biasanya wujud di kalangan masyarakat yang senasib dan setujuan. Perpaduan amat mudah terjalin misalnya di kalangan rakyat jelata yang hidup bersahabat. Mereka sama-sama bersatu menyelesaikan masalah kehidupan mereka tanpa memperhitungkan faktor etnik. Integrasi nasional juga digambarkan melalui keluhuran dan pertimbangan budi. Di sini persoalan kemanusiaan dapat mengatasi persoalan perkauman.

Secara deskriptif, cerpen-cerpen yang mengutarakan tema-tema khusus turut mencerminkan realisasi dasar kerajaan dalam mewujudkan integrasi nasional. Prinsip Rukunegara termasuk karisma kepimpinan dan kemesraan menjadi tumpuan utama para cerpenis bagi menggambarkan hubungan antara etnik. Setiap etnik inginkan karisma kepimpinan pentadbir negara yang dapat menjamin keamanan, kemakmuran, dan kesejahteraan hidup masyarakat berbilang etnik Malaysia. Selain itu, kemesraan

antara etnik juga didapati terdapat di dalam kehidupan sehari-hari untuk menjalin hubungan rapat antara satu sama lain.

Di samping itu, tema-tema umum seperti pertolongan dan tanggungjawab bersama tidak kurang pentingnya sebagai cara pergaulan sosial untuk membina silaturahim erat dan saling mempercayai. Tema-tema khusus lain yang turut menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional termasuklah kebebasan beragama, semangat nasionalisme, bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan. Keempat-empat polisi kerajaan itu dilihat sebagai pendekatan yang menjamin kestabilan sosial dan keamanan masyarakat Malaysia.

Menurut Jais Sahok (2008), sastera kebangsaan sebagai alat pemersatu penduduk pelbagai kaum di Malaysia ialah satu khazanah tamadun tinggi yang berlangsung sepanjang hayat yang berterusan, berhasil dalam pelbagai genre untuk mendukung penuh serta menegakkan sumpah dan janji rakyat Malaysia atas prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusahaahan, dan menjadi khazanah tinggalan untuk generasi kemudian.

Segala itu terlaksana baik dengan adanya penyertaan cerpenis yang kebanyakannya sudah menempa nama dalam arena kesusastraan kebangsaan. Antaranya seperti Sasterawan SEA Write Award seperti Lim Swee Tin ataupun penulis lain yang *establish* seperti Siow Siew Sing, Jong Chian Lai, dan lain-lain. Mereka terdiri daripada golongan pengarang yang bekerja sebagai para guru dan wartawan yang berjiwa rakyat. Dengan itu, cita-cita kemanusiaan mereka lebih menonjol daripada cita-cita yang terlalu berbau politik. Mereka memperjuangkan hak dan kehidupan muhibah semua etnik di Malaysia. Matlamat akhirnya adalah untuk mencambahkan perpaduan di kalangan masyarakat, dengan harapan cambahan itu akan berakar kukuh di dalam sanubari dan psikologi rakyat. Hal ini disebabkan, menurut Anwar Ridhwan (2007), perpaduan adalah suatu kuasa abstrak yang sangat kuat, yang boleh menjadi pemangkin kualiti serta peningkatan kualiti hidup umat manusia.

Kesimpulan

Pengarang yang mempunyai sensitiviti dan kreativiti yang kuat, sentiasa mencerahkan pemikiran mereka dalam karya sastera. Maka unsur perpaduan yang dicerminkan adalah pancaran daripada pengalaman sehari-hari mereka dan kesannya sampai kepada khalayak sastera melalui pembacaan. Oleh itu, peranan pengarang dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu adalah sangat penting, seperti pepatah Melayu bahawa “mata pena lebih tajam daripada lidah yang berucap”. Dalam 17 buah cerpen pilihan, masyarakat Malaysia yang dicerminkan tidak terasing antara satu sama lain, sebaliknya digambarkan bahawa semua etnik berada di

gelanggang kehidupan yang sama, dididik di bawah satu bumbung sistem pendidikan, bekerja di kompleks yang sama, bergiat dalam lapangan ekonomi yang sama dan mempunyai interaksi sosial dengan menggunakan bahasa pengantar yang sama dalam suasana muhibah, harmonis dan mesra. Ciri-ciri ini mencerminkan bahawa unsur-unsur perpaduan menerusi amalan sosio-budaya telah wujud, sedang dipupuk dan terus berkembang.

Rujukan

- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (2007). Mengenali, memahami, mencintai: unsur perpaduan dalam tema karya sastera dan kegiatan sastera kebangsaan. Kertas kerja. *Seminar Sastera dan Perpaduan*, Universiti Malaysia Perlis dan Dewan Bahasa & Pustaka, 2-3 Julai.
- Asiah Abu Samah. (1999). Perancangan dasar pendidikan bahasa di Malaysia: keprihatinan terhadap perpaduan, realiti dan kerasionalan. Dlm. Gagliano, F., Flournoy, A., McGinn, R., Van der Veur, Mulliner, K., Ploghoft, K., & Fraze, P. (pngr.). *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara* (hlm. 66-82). Terj. Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew, F. P. (2013). *Cerpen dan Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Forgacs, D. (1988). Teori kesusasteraan Maxis. Dlm. Jefferson, A & Robey, D. (pnyt.). *Teori Kesusasteraan Moden* (hlm. 196-249). Terj. Mokhtar Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Tadbiran Awam Negara. (1991). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Jais Sahok. (2008). Pengupayaan sastera kebangsaan sebagai alat pemersatu penduduk pelbagai kaum dalam Negara. Kertas kerja. *Kolokium Penulis Pelbagai Kaum 2008*. 12-14 Disember.
- Kohn, H. (1944). *The Idea of Nationalism*. Toronto: Ideal Book.
- Lent, J.A. (1977). *Cultural Pluralism in Malaysia: Policy, Military, Mass-media, Education, Religious and Social Class*. Illinois: Northern Illinois University Press.
- Lukacs, G. (1969). *The Historical Novel*. Victoria: Penguin Books Australia Ltd.
- Lukacs, G. (1972). *Studies in European Realism*. London: The Merlin Press.
- Menara 7. (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin. (1988). *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Lee L.M., Raymond. (1990). The state, religious nationalism, and ethnic rationalization

- in Malaysia. *Ethnic and Race Studies*, 13(4), 482-503.
- Oo Y.H. (1990). *Ethnic Chameleon: Multiracial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Reissman, L. (1952). Class, leisure and social participation. *American Sociological Review*, 19, 70-88.
- Sastera Melayu mampu jadi instrumen perpaduan. (2010, Disember 1). *Berita Harian*.
- Shamsuddin Jaafar (pngr.). (1997). *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sullivan, T. J. (1995). *Sociology: Concepts and Applications in a Diverse World*. (3rd Ed.). Massachusetts: Needham Heights.
- Suntharalingam R. (1985). Konsep nasionalisme: ke arah satu takrif. Dlm. Suntharalingam R. & Abdul Rahman Hj. Ismail (pngr.). *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah* (hlm. 23-52). Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Tan K.B. Eugene. (2001). For solourners to citizens: managing the ethnic Chinese minority in Indonesia and Malaysia. *Ethnic and Race Studies*, 24(6), 949-972.
- Tan C. Y. (1993). *Negara Kita: Untuk Peperiksaan Awam Kerajaan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Thani A. M. (1990). *Integrasi Sosial dalam Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Timm, J. T. (1996). *Four Perspective and Multicultural Education*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Weiner, M. (1965). Political integration and political development. *Annual of American Academy of Political and Social Science*, 358, 52-64.
- Wolf, S. & Heath, S. (1988). The braid of literature: children's worlds of reading. *Oxford Review of Education*, 18(1), 23-38.